



PANDUAN PENDAFTARAN DI BAWAH AKTA CUKAI JUALAN 2018

Diterbitkan oleh :

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Putrajaya**

6 Mac 2026

Penerbitan

Tarikh: 6 Mac 2026.

Notis Hakcipta

Hak Cipta 2025 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak Cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai pendaftaran pengilang di bawah perundangan cukai jualan dan tanggungjawab sebagai pengilang berdaftar yang berkaitan dengan pendaftaran. Panduan ini tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah berdasarkan maklumat semasa penyediaan Panduan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

ISI KANDUNGAN

PENGENALAN	1
TERMINOLOGI.....	1
KONSEP CUKAI JUALAN	2
PENDAFTARAN SEBAGAI PENGILANG BERDAFTAR	3
TARIKH KUATKUASA PENDAFTARAN	7
PROSEDUR PENDAFTARAN	8
TANGGUNGJAWAB PENGILANG BERDAFTAR	8
PEMBATALAN PENDAFTARAN	10
PENGILANG BERDAFTAR DIBAWAH PELIKUIDASI DAN PENERIMA	11
SOALAN – SOALAN LAZIM	13
PEMBATALAN.....	15
PERTANYAAN	15
BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST	15
LAMPIRAN 1	16
LAMPIRAN 2	19
LAMPIRAN 3.....	20
Carta Alir 1: Pendaftaran Pengilang.....	21
Carta Alir 2: Pendaftaran Pengilang Subkontrak.....	22

1. PENGENALAN

- 1.1 Mulai 1 September 2018, Akta Cukai Jualan 2018 dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 bersama-sama peraturan-peraturan subsidiarinya telah diperkenalkan untuk menggantikan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.
- 1.2 Sehubungan itu, panduan ini disediakan bagi menjelaskan konsep cukai jualan, proses pendaftaran sebagai pengilang berdaftar di bawah Akta Cukai Jualan 2018 dan tanggungjawab selepas berdaftar.

2. TERMINOLOGI

2.1	Barang bercukai	:	Barang daripada kelas atau jenis yang tidak dikecualikan daripada cukai jualan di bawah subseksyen 2(1), Akta Cukai Jualan 2018
2.2	Borang SST-01	:	Borang pendaftaran yang diwartakan dalam Peraturan-Peraturan Cukai Jualan 2018
2.3	Ketua Pengarah	:	Ketua Pengarah dan Eksais yang dilantik di bawah subseksyen 3(1) Akta Kastam 1967
2.4	Mengilang	:	Sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 3, Akta Cukai Jualan 2018
2.5	Pengilang	:	Seseorang yang melibatkan diri dalam pengilangan barang
2.6	Pengilang berdaftar	:	Seorang pengilang yang didaftarkan di bawah seksyen 13 atau 14, Akta Cukai Jualan 2018
2.7	Penyata SST-02	:	Borang penyata cukai jualan / perkhidmatan (Ketetapan Umum Bil. 1/2025)
2.8	Tempoh bercukai	:	Apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan atau diperuntukkan di bawah seksyen 25, Akta Cukai Jualan 2018
2.9	MySST	:	Sistem atau portal yang menyediakan maklumat terkini berkenaan maklumat cukai jualan dan cukai perkhidmatan

3. KONSEP CUKAI JUALAN

- 3.1 Di bawah subseksyen 8(1), Akta Cukai Jualan (ACJ) 2018, cukai jualan hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas semua barang bercukai —
- (a) yang dikilangkan di Malaysia oleh pengilang berdaftar dan dijual, digunakan atau dilupuskan olehnya; atau
 - (b) yang diimport ke dalam Malaysia oleh mana-mana orang.
- 3.2 Berdasarkan subseksyen 3(1), ACJ 2018 “mengilang” ertinya—
- (a) berhubung dengan barang selain petroleum, penukaran secara manual atau mekanikal bahan-bahan organik atau bukan organik kepada suatu produk baharu dengan mengubah saiz, bentuk, komposisi, sifat atau kualiti bahan-bahan itu dan termasuklah pemasangan bahagian-bahagian ke dalam suatu jentera atau produk lain, tetapi tidak termasuk pemasangan jentera atau kelengkapan bagi maksud pembinaan; dan
 - (b) berhubung dengan petroleum, proses penapisan yang termasuk pemisahan, penukaran, penulenan dan pengadunan aliran penapisan atau aliran petrokimia.
- 3.3 Merujuk kepada para 3.1, hanya pengilang berdaftar sahaja boleh mengenakan cukai jualan ke atas jualan, penggunaan atau pelupusan barang bercukai yang dikilangkan.
- 3.4 Kadar cukai jualan yang hendak dikenakan dan dilevikan oleh pengilang berdaftar adalah ditetapkan pada **sepuluh peratus (10%)** atas semua barang bercukai kecuali :
- (a) **Lima peratus (5%)** dalam Jadual Pertama, Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai Jualan) 2025; dan
 - (b) **Kadar spesifik** dalam Jadual Kedua, Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai Jualan) 2025.

- 3.5 Menteri akan menetapkan kadar cukai jualan yang dikenakan atau dilevi melalui suatu perintah yang diwartakan.

4. PENDAFTARAN SEBAGAI PENGILANG BERDAFTAR

- 4.1 Mana-mana pengilang yang **mengilang barang bercukai** adalah bertanggung untuk berdaftar di bawah seksyen 12, ACJ 2018 apabila:

- i. Nilai jualan barang bercukai yang dikilangkan melebihi RM500,000 dalam tempoh 12 bulan; dan/atau
- ii. Nilai upah bagi kerja yang dilakukan ke atas barangan bercukai oleh pengilang subkontrak melebihi RM500,000 dalam tempoh 12 bulan.

- 4.2 Walau bagaimanapun, pengilang boleh memohon pendaftaran secara sukarela di bawah seksyen 14, ACJ 2018 dalam situasi berikut:

- i. Nilai jualan barang bercukai tidak melebihi RM500,000 dalam tempoh 12 bulan; atau
- ii. Pengilang yang dikecualikan daripada berdaftar di bawah Perintah Cukai Jualan (Pengecualian daripada Pendaftaran) 2018.

4.3 Pengecualian Daripada Pendaftaran.

- 4.3.1 Subseksyen 20(1), ACJ 2018 memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan mana-mana pengilang daripada pendaftaran melalui Perintah Cukai Jualan (Pengecualian Daripada Pendaftaran) 2018.

- 4.3.2 Terdapat beberapa operasi pengilangan yang diberikan pengecualian daripada pendaftaran di bawah Jadual A, Perintah Cukai Jualan (Pengecualian Daripada Pendaftaran) 2018 selaras dengan :

Para 2 (1), Perintah Cukai Jualan (Pengecualian Daripada Pendaftaran) 2018 iaitu *“Mana-mana orang yang menjalankan hanya satu operasi pengilangan daripada beberapa operasi dalam satu rantaian pengilangan bagi menghasilkan suatu barang dan operasi yang dijalankan itu dinyatakan dalam Jadual A, orang itu dikecualikan daripada pendaftaran di bawah subseksyen 13(1) Akta tanpa mengambil kira jumlah nilai jualan barang bercukai dalam tempoh dua belas bulan.”*; dan

Para 2 (1A) Perintah Cukai Jualan (Pengecualian Daripada Pendaftaran) 2018 iaitu *“Walau apa pun subperenggan (1), jika orang itu menjalankan lebih daripada satu operasi pengilangan yang dinyatakan dalam Jadual A dan operasi tersebut tidak berhubung kait dalam mengilangkan suatu barang, orang itu dikecualikan daripada pendaftaran.”*.


4.4 Kaedah Penentuan Tanggungan Pendaftaran.

4.4.1. Dalam menentukan tanggungan pendaftaran pengilang yang mengilang barang bercukai, nilai jualan barang bercukai bagi tempoh 12 bulan dikira dengan menggunakan salah satu daripada dua kaedah berikut:

- (i) **Kaedah sejarah (*historical method*)**; atau
- (ii) **Kaedah hadapan (*future method*)**.

4.4.2. **Kaedah sejarah (*historical method*)** merupakan jumlah nilai jualan barang bercukai dalam mana-mana bulan dan 11 bulan sebelum bulan itu.

Rajah 1: Kaedah Sejarah (*historical method*)



- Pada 31 Ogos 2024 - jumlah nilai jualan barangan bercukai pengilang telah melebihi RM500,000 dan bertanggung untuk berdaftar sebagai pengilang berdaftar.
- 1-30 September 2024 - tempoh untuk pengilang memohon pendaftaran.
- 1 Oktober 2024 - tarikh kuatkuasa pendaftaran dan pengilang berdaftar mula mengenakan cukai jualan.

Contoh Situasi

Syarikat ABC Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat pengilang yang menghasilkan minuman ringan berkarbonat di Shah Alam.

Minuman ringan berkarbonat adalah barang bercukai jualan dengan kadar cukai 10%.

Pada 31 Ogos 2024, jumlah nilai jualan barangan bercukai (minuman ringan) oleh Syarikat ABC Sdn. Bhd. telah melebihi RM500,000 dalam tempoh 12 bulan. Oleh itu, syarikat tersebut bertanggung untuk berdaftar sebagai pengilang berdaftar di bawah ACJ 2018.

Dalam tempoh 1 hingga 30 September 2024, Syarikat ABC Sdn. Bhd. dikehendaki mengemukakan permohonan pendaftaran sebagai pengilang berdaftar kepada JKDM melalui sistem MySST.

Setelah permohonan dihantar dan diluluskan, tarikh kuat kuasa pendaftaran akan ditetapkan pada 1 Oktober 2024 (1 hari bulan selepas bulan yang diwajibkan untuk berdaftar). Mulai tarikh tersebut, Syarikat ABC Sdn. Bhd. perlu mengenakan cukai jualan sebanyak 10% ke atas setiap penjualan barangan bercukai yang dikeluarkan dari kilang kepada pelanggan.

Sebagai contoh, jika Syarikat ABC Sdn. Bhd. menjual minuman ringan kepada peruncit pada harga RM100 bagi setiap kotak, maka cukai jualan yang dikenakan ialah RM10 ($10\% \times \text{harga jualan RM100}$), menjadikan jumlah invois kepada pelanggan sebanyak RM110.

4.4.3. **Kaedah kehadapan (*future method*)** merupakan jumlah nilai jualan barangan bercukai dalam mana-mana bulan semasa dan nilai jualan yang dijangka bagi tempoh 11 bulan selepas bulan tersebut.

Rajah 2: **Kaedah kehadapan (*future method*)**



- 1-31 Oktober 2024 - jumlah nilai jualan barang bercukai adalah RM100,000.
- 1 November 2024 - 31 Julai 2025 - anggaran jumlah nilai jualan barangan bercukai diperoleh adalah RM420,000.
- 31 Oktober 2024 - bertanggung untuk berdaftar sebagai pengilang berdaftar kerana dijangkakan akan melebihi RM500,000.
- 1-30 November 2024 - tempoh untuk pengilang memohon pendaftaran.
- 1 Disember 2024 - tarikh kuatkuasa pendaftaran dan pengilang berdaftar mula mengenakan cukai jualan.

Contoh Situasi

Syarikat XYZ Sdn. Bhd. ialah sebuah syarikat pengilang yang menghasilkan barangan plastik pembungkus makanan di Johor Bahru.

Plastik pembungkus makanan adalah barang bercukai jualan dengan kadar cukai 10%.

Pada bulan Oktober 2024, jumlah nilai jualan barangan bercukai oleh syarikat adalah sebanyak RM100,000. Berdasarkan rekod jualan dan tempahan pelanggan, Syarikat XYZ Sdn. Bhd. menjangkakan jumlah nilai jualan barangan bercukai bagi tempoh 1 November 2024 hingga 31 Julai 2025 akan mencecah RM420,000.

Apabila jumlah nilai jualan sebenar dan dijangka tersebut dijumlahkan, anggaran keseluruhan menjadi RM520,000, iaitu melebihi ambang RM500,000 yang ditetapkan di bawah ACJ 2018. Oleh itu, pada 31 Oktober 2024, Syarikat XYZ Sdn. Bhd. bertanggung untuk berdaftar sebagai pengilang berdaftar.

Dalam tempoh 1 hingga 30 November 2024, Syarikat XYZ Sdn. Bhd. perlu mengemukakan permohonan pendaftaran melalui sistem MySST kepada JKDM.

Setelah permohonan diluluskan, tarikh kuat kuasa pendaftaran ditetapkan pada 1 Disember 2024. Mulai tarikh tersebut, Syarikat XYZ Sdn. Bhd. perlu mengenakan cukai jualan sebanyak 10% ke atas semua jualan barangan bercukai yang dikeluarkan dari kilang kepada pembeli.


Sebagai contoh, sekiranya Syarikat XYZ Sdn. Bhd. menjual pembungkus makanan pada harga RM200 sekotak, maka cukai jualan yang perlu dikenakan ialah RM20 (10%), menjadikan jumlah invois kepada pelanggan sebanyak RM220.

5. TARIKH KUATKUASA PENDAFTARAN

5.1 Selaras dengan seksyen 13, ACJ 2018, pengilang dikehendaki memohon pendaftaran tidak lewat dari hari terakhir bulan berikutnya selepas bertanggung untuk berdaftar.

5.2 Tarikh kuatkuasa pendaftaran hendaklah pada hari pertama bulan berikutnya selepas bulan di mana permohonan pendaftaran dibuat.

Rajah 3: **Tarikh Kuatkuasa Pendaftaran**



- 31 Oktober 2024 - melepasi nilai ambang bagi jualan barang bercukai
- 1-30 November 2024 - tempoh untuk pengilang memohon pendaftaran
- 1 Disember 2024 - tarikh kuatkuasa pendaftaran dan pengilang berdaftar mula mengenakan cukai jualan

6. PROSEDUR PENDAFTARAN

- 6.1 Permohonan pendaftaran sebagai pengilang berdaftar hendaklah dibuat secara atas talian melalui sistem MySST di www.mysst.customs.gov.my oleh pemilik perniagaan atau orang yang diberi kuasa olehnya melalui Borang SST-01 seperti dalam **Lampiran 1** yang diisi dalam modul pendaftaran sistem MySST.
- 6.2 Keputusan permohonan pendaftaran akan dimaklumkan melalui surat kelulusan pendaftaran secara emel oleh sistem MySST seperti dalam **Lampiran 2**. Bahagian CDN / stesen mengawal akan menjalankan verifikasi ke atas permohonan pendaftaran yang telah diluluskan dalam tempoh **tiga puluh (30) hari** selepas surat kelulusan dikeluarkan.
- 6.3 Emel penolakan pendaftaran yang menyatakan keputusan permohonan pendaftaran tidak diluluskan akan dihantar melalui emel pemohon oleh sistem MySST seperti dalam **Lampiran 3**.

7. TANGGUNGJAWAB PENGILANG BERDAFTAR

Setelah berdaftar di bawah ACJ 2018, pengilang berdaftar mempunyai tanggungjawab seperti berikut:

- i. Mengenakan cukai jualan ke atas penjualan barang siap bercukai yang dikilangkan;

- ii. Mengeluarkan invois jualan dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris dan mematuhi semua syarat dalam Peraturan 7, Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (PPCJ) 2018;
- iii. Mengemukakan Penyata SST-02 dan membuat pembayaran cukai jualan bagi setiap tempoh bercukai sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 26 ACJ 2018 mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah selewat-lewatnya pada hari terakhir bulan berikutnya selepas tamat tempoh bercukai.
- iv. Jika tiada jualan barang bercukai dan pembayaran cukai bagi sesuatu tempoh bercukai, Penyata SST-02 **“NIL RETURN”** perlu juga dikemukakan.
- v. Memastikan rekod yang berkaitan pengilangan, perolehan dan jualan disimpan untuk tempoh tujuh (7) tahun dari tarikh terakhir yang berhubungan dengan rekod itu selaras dengan seksyen 24, ACJ 2018.
- vi. Memaklumkan kepada **Bahagian Cukai Dalam Negeri, Ibu Pejabat** secara bertulis mengenai apa-apa perubahan maklumat pendaftaran:
 - (a) Pertukaran alamat perniagaan yang melibatkan perubahan stesen mengawal;
 - (b) Pindaan tempoh bercukai (perlu memohon terlebih dahulu);
 - (c) Pengaktifan semula pendaftaran pengilang berdaftar; atau
 - (d) Alamat emel.
- vii. Memaklumkan kepada **Bahagian Cukai Dalam Negeri, stesen mengawal** secara bertulis mengenai apa-apa perubahan maklumat pendaftaran:
 - (a) Nama perniagaan;
 - (b) Alamat berdaftar perniagaan;
 - (c) Anggota dalam perkongsian itu;

- (d) Perubahan status perniagaan;
 - (e) Penetapan semula kata laluan sistem MySST;
 - (f) Pertukaran atau penambahan barang bercukai;
 - (g) Membuka tempat perniagaan baru atau menutup mana-mana tempat perniagaan; atau
 - (h) Pindaan tarikh kuat kuasa pendaftaran dengan alasan yang munasabah (perlu memohon terlebih dahulu)
- viii. Melakukan **pindaan sendiri** dalam sistem MySST bagi perubahan berikut:
- (a) Nama perdagangan;
 - (b) Alamat surat-menyurat perniagaan; atau
 - (c) Mengilang barang bercukai lain sebagai tambahan kepada barangan bercukai yang telah didaftarkan.
- ix. Memaklumkan kepada Bahagian Cukai Dalam Negeri stesen mengawal secara bertulis sekiranya pengilang berdaftar tidak lagi mengilang barang bercukai atau berhenti dari tanggungan berdaftar dalam tempoh 30 hari dari tarikh pemberhentian.

8. PEMBATALAN PENDAFTARAN

- 8.1 Pengilang berdaftar boleh memohon untuk membatalkan pendaftarannya dengan mengemukakan surat permohonan pembatalan kepada Bahagian Cukai Dalam Negeri stesen mengawal secara bertulis jika dia tidak lagi bertanggungjawab untuk berdaftar atau berhenti mengilang barang bercukai selaras dengan subseksyen 18(1), ACJ 2018.
- 8.2 Pengilang berdaftar yang telah memohon pembatalan pendaftaran kepada Bahagian Cukai Dalam Negeri stesen mengawal masih bertanggungjawab untuk mengenakan cukai jualan dan mengemukakan Penyata SST-02 sehingga tarikh pembatalan pendaftaran diluluskan.
- 8.3 Merujuk kepada subseksyen 19(2) dan 19(3), ACJ 2018 Ketua Pengarah boleh membatalkan pendaftaran dalam dua keadaan walaupun tiada

permohonan pembatalan iaitu:

- i. Pengilang berdaftar yang telah didaftarkan di bawah seksyen 13, ACJ 2018 didapati telah tidak bertanggung untuk berdaftar atau telah berhenti mengilang barang bercukai; atau
- ii. Pengilang berdaftar yang telah didaftarkan di bawah seksyen 14, ACJ 2018 didapati telah tidak atau berhenti mengilang barang bercukai.

9. PENGILANG BERDAFTAR DIBAWAH PELIKUIDASI DAN PENERIMA

9.1 Sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 97, ACJ 2018, pengilang berdaftar hendaklah memaklumkan kepada Bahagian Cukai Dalam Negeri stesen mengawal jika perniagaan digulung. Pelikuidasi yang dilantik hendaklah melaksanakan perkara-perkara berikut:

- i. Memberikan notis mengenai penggulangan syarikat kepada Ketua Pengarah dalam tempoh 14 hari secara bertulis selepas resolusi penggulangan; dan
- ii. Membayar sebarang cukai jualan yang bertanggung oleh pengilang berdaftar kepada Ketua Pengarah sebelum pelupusan apa-apa aset syarikat itu.

9.2 Pelikuidasi adalah bertanggung sendiri bagi apa-apa cukai jualan yang genap masa dan kena dibayar jika gagal memberi notis penggulangan kepada Ketua Pengarah dalam tempoh yang ditetapkan atau tidak mengadakan peruntukan bagi pembayaran apa-apa cukai jualan yang perlu dibayar.

9.3 Pelikuidasi yang gagal mematuhi seksyen 97, ACJ 2018 boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit;

9.4. Jika mempunyai lebih daripada satu pelikuidasi, tanggungan yang dikenakan ke atas seorang pelikuidasi di bawah seksyen 97, ACJ 2018

hendaklah dikenakan ke atas semua pelikuidasi itu secara bersama dan berasingan, tertakluk kepada suatu hak sumbangan antara mereka sebagaimana dalam hal kontrak.

9.5 Selain itu, penerima harta kepada pengilang berdaftar yang dilantik juga hendaklah melaksanakan perkara-perkara seperti berikut:

- i. Memberi notis kepada Ketua Pengarah dalam tempoh 14 hari secara bertulis daripada pelantikannya sebagai penerima;
- ii. Mengetepikan apa-apa jumlah wang bagi pembayaran sebarang cukai jualan oleh pengilang berdaftar kepada Ketua Pengarah sebelum pelupusan apa-apa aset syarikat itu berkenaan dengan barang bercukai yang telah dijual, dikilangkan, dibeli atau diperoleh oleh syarikat itu sebelum pelantikan penerima itu, dan hendaklah membayar cukai jualan tersebut;
- iii. Bertanggungjawab sendiri bagi apa-apa cukai jualan yang genap masa dan kena dibayar jika penerima tidak memberi notis atau tidak mengadakan peruntukan bagi pembayaran cukai jualan tersebut;
- iv. Mematuhi subseksyen 98(1), ACJ 2018 berhubung para (i) hingga (ii). Kegagalan mematuhi subseksyen 98(1), ACJ 2018 menyebabkan penerima telah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit
- v. Jika mempunyai lebih daripada satu pelikuidasi, tanggungan yang dikenakan ke atas seorang pelikuidasi di bawah subseksyen 98, ACJ 2018 hendaklah dikenakan ke atas semua pelikuidasi itu secara bersama dan berasingan, tertakluk kepada suatu hak sumbangan antara mereka sebagaimana dalam hal kontrak.

SOALAN – SOALAN LAZIM

1. **S : Saya memiliki sebuah kilang dan tidak pernah berdaftar sebagai pengilang berdaftar dengan JKDM. Selama ini, kilang saya menghasilkan barang siap yang dikecualikan daripada cukai jualan. Namun, bermula 1 Julai 2025, saya mendapati bahawa barang siap yang dihasilkan oleh kilang saya telah dikategorikan sebagai barang bercukai jualan. Adakah saya perlu berdaftar sebagai pengilang berdaftar? Apakah yang perlu saya lakukan?**

J : Sekiranya nilai jualan barang bercukai syarikat telah melebihi RM500,000 bagi tempoh 12 bulan, syarikat adalah bertanggungjawab untuk berdaftar sebagai pengilang berdaftar selaras dengan seksyen 12, ACJ 2018.

Sekiranya nilai jualan barang bercukai tidak melebihi RM500,000 bagi tempoh 12 bulan, syarikat tidak bertanggungjawab untuk berdaftar sebagai pengilang berdaftar. Walaubagaimanapun, pihak syarikat boleh memohon untuk berdaftar secara sukarela sebagai pengilang berdaftar selaras dengan seksyen 14, ACJ 2018.

Sekiranya syarikat telah menjadi pengilang berdaftar, syarikat boleh menikmati kemudahan pengecualian cukai jualan di bawah Jadual C, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 bagi pengimportan atau pembelian bahan mentah, komponen, alat bantuan pengilangan, peralatan *cleanroom*, bahan pembungkus dan pembungkusan kecuali petroleum.

2. **S : Bagaimanakah cara untuk memohon pendaftaran sebagai pengilang berdaftar?**

J : Permohonan boleh dibuat secara atas talian melalui sistem MySST di pautan www.mysst.customs.gov.my Pemohon perlu mengisi Borang SST-01 yang terdapat dalam modul pendaftaran sistem MySST tersebut.

3. **S : Kilang saya berstatus *Licensing Manufacturing Warehouse* (LMW). Adakah kilang saya perlu berdaftar sebagai pengilang berdaftar di bawah perundangan cukai jualan?**
- J :** Menurut seksyen 2(1), ACJ 2018, kilang yang berstatus LMW adalah dikategorikan sebagai 'kawasan khas' dan merujuk kepada Panduan Kawasan Khas yang diterbitkan pada 3 Oktober 2018 seperti di pautan <https://mysst.customs.gov.my/SpecificGuides>, syarikat di dalam 'kawasan khas' tidak tertakluk untuk didaftarkan sebagai pengilang berdaftar di bawah Akta Cukai Jualan 2018.

PEMBATALAN

Panduan ini membatalkan panduan pendaftaran yang telah berkuatkuasa pada 25 Ogos 2018.

PERTANYAAN

Untuk sebarang pertanyaan mengenai panduan ini sila hubungi:

Bahagian Cukai Dalam Negeri
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Tingkat 5 & 6, Tower A, Suasana PjH
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2
62100 Putrajaya.

BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST

Informasi selanjutnya boleh didapati di :

- (i) Laman Web SST : <https://mysst.customs.gov.my>
- (ii) Pusat Panggilan Kastam
 - Tel : 03-7806 7200 / 1-300-888-500
 - Fax : 03-7806 7599
 - Email: ccc@customs.gov.my

LAMPIRAN 1



Official Website
MALAYSIA SALES & SERVICE TAX (SST)
Royal Malaysian Customs Department



PERMOHONAN PENDAFTARAN CUKAI JUALAN
APPLICATION FOR SALES TAX

Note : * Wajib isi / * Mandatory field

Bahagian A : Maklumat Perniagaan
Part A : Business Particulars

Bahagian B : Butiran Pengilangan/Perkhidmatan
Part B : Manufacturing/Service Details

Bahagian C : Akuan Pemohon
Part C : Declarations

Note : * Wajib isi / * Mandatory field

Bahagian A : Maklumat Perniagaan
Part A : Business Particulars

1) Sila isikan Maklumat Berkaitan (Jika Ada) :
Please Fill in Relevant Details (If Any) :

a) No. Pendaftaran GST
GST Registration No.

a) No. Pendaftaran Cukai Pelancongan
Tourism Tax Registration No.

a) No. Rujukan Cukai Pendapatan
Income Tax Reference No.

2) No. Rujukan Audit Kastam (Jika Ada)
Customs Audit Reference No. (If Any)

☐ 3) Jika permohonan disebabkan oleh penggantian perniagaan pengilang berdaftar, sila isikan Tarikh Penggantian, No. Daftar dan Nama Pengilang Berdaftar Terdahulu.
If the application is due to the registered manufactured business is succeeded, please fill in the Date of Succession, Previous Registration Number and Previous Registered Manufacturer's Name.

4) Jenis Perniagaan*
Business Type*

5) No. Pendaftaran Perniagaan atau No. Kad Pengenalan*
Business Registration No. or Identity Card No.*

6) Nama dan Alamat Berdaftar Perniagaan
Name and Registered Address of Business

Nama Perniagaan Berdaftar*
Name of Registered Business*

Alamat Perniagaan Berdaftar (Premis Operasi Perniagaan)*
Address of Registered Business (Premises of Business Operations)*

Poskod*
Postcode*

Bandar
City

Negeri
Country

GST REGISTRATION NO.

TOURISM TAX REGISTRATION NO.

INCOME TAX REFERENCE NO.

CUSTOMS AUDIT REFERENCE NO.

–PLEASE SELECT–

BUSINESS REGISTRATION NO / IDENTITY CARD NO.

NAME OF REGISTERED BUSINESS

ADDRESS OF REGISTERED BUSINESS (PREMISES OF BUSINESS OPERATIONS)

ADDRESS OF REGISTERED BUSINESS (PREMISES OF BUSINESS OPERATIONS)

ADDRESS OF REGISTERED BUSINESS (PREMISES OF BUSINESS OPERATIONS)

POSTCODE

CITY

STATE

Hak Cipta Terpelihara © 2026 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

16

7) Nama Perdagangan*

Trade Name*

☐ Klik jika nama sama dengan item 6
Click if it is the same with item 6

TRADE NAME

8) Tempat Pengilangan Lain*

Other Place of Manufacturing Address*

+

Actions	Premise Name	Address	Postcode	City	State
No data					
Total: 0					

10

9) Alamat Surat Menyurat Perniagaan

Correspondence Address of Business (If Different)

☐ Klik jika nama sama dengan item 6
Click if it is the same with item 6

CORRESPONDENCE ADDRESS OF BUSINESS

CORRESPONDENCE ADDRESS OF BUSINESS

CORRESPONDENCE ADDRESS OF BUSINESS

POSTCODE

Q

X

CITY

STATE

TELEPHONE NO. (I.E: 0145234678)

FAX NO.

eg: example@gmail.com

Poskod

Postcode

Bandar

City

Negeri

State

TELEPHONE NO. (I.E: 0145234678)

FAX NO.

eg: example@gmail.com

10) No. Telefon*

Telephone No.*

11) No. Faks

Fax No.

12) Alamat E-mel*

Email Address*

13) Senarai Maklumat Pengarah / Pemilik Perniagaan*

Details of Director/Owner*

+

Actions	Name	Current Address	Telephone No.	Appointed Date
No data				
Total: 0				

10

Bahagian B : Butiran Pengilangan/Perkhidmatan
Part B : Manufacturing/Service Details

14) Isi Kod Tariff Barang Siap Anda* :

Fill in Finished Goods Tariff* :

a) (1) Nama Barangan Siap* dan (2) Kod Tariff*
(1) Finished Goods* (2) Tariff Code*

+

Actions	Finished goods*	Tariff Code	Description
No data			
Total: 0			

10

☐ Sila klik, jika ada membuat kerja subkontrak
Please click for subcontract work

15) Isi Maklumat Berkaitan :

Fill in Relevant Details:

a) Tarikh Mula Perniagaan*

Business Commencement Date*

DD-....-YYYY

b) Tarikh Mula Pengilangan/Perkhidmatan*	DD----YYYY	
Manufacturing/Service Commencement Date*		
c) Tarikh Mencapai Nilai Jualan Barang Bercukai/Upah/Perkhidmatan Bercukai*	DD----YYYY	
Date of Achieving Sale Value of Taxable Goods/Wage/Value of Taxable Service*		
16) Jumlah Nilai Jualan Barang Bercukai / Upah / Perkhidmatan Bercukai Tahunan(RM)*	RM	
Annual Total Taxable Sales/Service Value*		
17) Barang - Barang Dijual atau Dilupuskan dengan Cara Berikut*		
Goods Sold or Disposed of By*		
a) Jualan Tempatan (%)	0%	
Local Sales		
b) Eksport (%)	0%	
Export		
c) Jualan ke Kawasan Ditentukan/Kawasan Khas (%)	0%	
Sales to Designated Area/Special Area		
d) Lain -Lain (%)	0%	
Others		
18) Bulan Kewangan Tahunan Berakhir*	-PLEASE SELECT-	
Financial Year End Month*		

Bahagian C : Aduan Pemohon

Part C : Declarations

☐ 19) Saya, mengaku bahawa maklumat dinyatakan dalam borang ini dan dokumen sokongan disertakan adalah benar, betul dan lengkap dan bersetuju apa apa-apa notis disampaikan secara perkhidmatan elektronik.

I, hereby declare that the information stated in this form and any supporting documents furnished is true, correct and complete and agree to receive any notices electronically.

LAMPIRAN 2



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA,
BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI,
ARAS 5 & 6, BLOK A, SUASANA PJH,
JALAN TUN ABDUL RAZAK, PRESINT 2,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 1-300-888-500/03-78067200
Faksimile : 03-88824911
Laman Web : <https://mysst.customs.gov.my>
E-Mel : ccc@customs.gov.my

SDN .BHD.

Ruj Kami : A1
Tarikh : 01/08/2025
No. Daftar CJ : A1
Stesen Mengawal : IPOH

PERAK

Tuan,

KELULUSAN PENDAFTARAN DI BAWAH SEKSYEN 13/14 AKTA CUKAI JUALAN 2018

Perkara di atas dirujuk.

2. Tuan telah didaftarkan di bawah Akta Cukai Jualan 2018 dan maklumat akaun pendaftaran tuan adalah seperti berikut:

Tarikh Permohonan	: 01/08/2025
Tarikh Kuatkuasa Pendaftaran	: 01/09/2025
Asas Perakaunan	: Asas Akruan
Tempoh Bercukai	: Satu Bulan
Tempoh Bercukai Pertama	: 01/09/2025 sehingga 30/09/2025
Tarikh Akhir Mengemukakan Penyata dan Bayaran	: 31/10/2025
Tempoh Bercukai Kedua	: 01/10/2025 sehingga 30/11/2025
Tarikh Akhir Mengemukakan Penyata dan Bayaran	: 31/12/2025
Tempoh Bercukai Berikutnya	: Setiap Dua Bulan
Tarikh Akhir Mengemukakan Penyata dan Bayaran	: Hari terakhir bulan berikutnya setelah tamat tempoh bercukai

Stesen Mengawal & Alamat : Stesen Ipoh
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Wisma Kastam,
No. 1, Jln Tun Abdul Razak,
30100, Ipoh, Perak

3. Jabatan Kastam Diraja Malaysia mengucapkan terima kasih atas tindakan pihak tuan untuk mendaftar sebagai orang berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan sebagai orang berdaftar tuan hendaklah mematuhi kehendak Akta Cukai Perkhidmatan 2018, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 dan mematuhi tanggungjawab yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah seperti di LAMPIRAN I.


4. Tuan boleh melayari laman web MySST di capaian <https://mysst.customs.gov.my> atau menghubungi pejabat ini seperti maklumat yang tertera di atas untuk keterangan lanjut.

Sekian, terima kasih.


"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Ketua Pengarah Kastam
Jabatan Kastam Diraja Malaysia

LAMPIRAN 3



Carta Alir 1: Pendaftaran Pengilang



Carta Alir 2 : Pendaftaran Pengilang Subkontrak

